

Nasihat siswazah kepada 'freshie': Kecapi setiap saat di menara gading

PANDANGAN



NURAFIQAH DAUD

LAZIMNYA kita hanya benar-benar menghargai sesuatu apabila ia sudah berlalu. Bagi saya perasaan ini benar-benar menggambarkan apa yang saya rasakan sebaik tamat peperiksaan terakhir di universiti.

Jika diberi peluang memulakan semula pengalaman di universiti, saya tidak teragak mahu mengulanginya.

Pengalaman universiti jelas satu yang amat bermakna bagi diri saya.

Walaupun mustahil bagi saya mengulangi pengalaman di universiti, ada ramai lagi pelajar yang mungkin agak bimbang memulakan fasa baru dalam usaha mereka menuntut ilmu.

Mengimbas kembali pengalaman saya di universiti, ia jelas penuh dengan pahit manis kehidupan.

Yang pahit, saya masih ingat ada beberapa orang yang suka membandingkan institusi pilihan saya dengan universiti tempatan yang lebih terkemuka.

Namun, saya tidak peduli akan kata-kata negatif sedemikian.

Bagi saya kejayaan tidak ditakrifkan oleh institusi yang saya hadiri

atau penyertaan saya dalam kursus yang dianggap 'lebih baik' oleh orang lain.

Bagi saya definisi kejayaan bagi setiap individu berbeza. Yang penting, kita perlu menggunakan pendidikan demi memberi kebaghaiaan kepada diri sendiri dan memberi manfaat kepada masyarakat.

Lebih penting adalah usaha gigih tidak kira di mana kita menuntut.

Nasihat saya kepada 'freshie' atau penuntut yang baru menjejak kaki ke menara gading – buat persiapan emosi dan mental.

Peralihan dari kehidupan politeknik atau maktab rendah ke universiti agak berlainan.

Di universiti anda perlu kenal erti berdikari – tiada sesiapa yang akan mengingatkan anda supaya menghadiri kuliah, menyuruh anda membuat tugas atau penyelidikan.

Terpulang pada diri anda sendiri.

Sepanjang pengalaman sebagai mahasiswa, anda akan dicabar dalam pelbagai aspek – seperti daya ketahanan, keazaman, kemampuan anda untuk pulih dari kegagalan dan sebagainya.

Banyak kali, kita merasa tekanan yang tidak tertanggung dan akan berasa seperti hendak menyerah kalah.

Misalnya anda membuat persiapan intensif bagi sesebuah subjek sepanjang tahun itu.

Malangnya, anda mengalami 'mental block' semasa peperiksaan dan akhirnya anda gagal.

Ataupun mereka yang perlu mengimbang antara bersekolah dan bekerja. Kurang tidur dan rehat akan membuatnya lebih sukar untuk mengendalikan keduanya itu.

Oleh itu anda perlu bijak beri keutamaan.

Ambil langkah pertama keluar dari zon keselesaan dan ambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan di universiti.

Sebagai seseorang yang tidak pernah menyertai sebarang kegiatan kesenian, saya membuat keputusan luar biasa pada tahun terakhir di universiti – melibatkan diri anjuran sebuah pementasan.

Tidak saya sangkakan yang pengalaman itu sungguh bermakna.

Di situlah saya berpeluang mengasah kemahiran kepimpinan, menyanyi dan menari (walaupun tidak begitu baik) di atas pentas serta menjalinkan persahabatan kukuh dengan peserta lain.

Barangkali, pengajaran dan pengalaman yang terbaik berlaku tanpa diduga.

Penyertaan saya itulah yang menumbuhkan semangat saya melastarikan bahasa ibunda kita.

Secara kebetulan, saya mendapat peluang untuk terus menulis sebagai seorang penulis sambilan di *Berita Harian*.

Saya amat bersyukur kerana dapat pendedahan ini.

Semua yang berlaku ada hikmahnya.

Pengalaman saya mengukuhkan lagi kepercayaan saya bahawa institusi atau kursus yang saya sertai tidak menentukan kejayaan saya.

Peluang datang dalam pelbagai bentuk dan ukuran.

Pengalaman universiti juga peluang bagi anda membina watak.

Ia bukan sekadar belajar dan menimba ilmu – ia juga peluang bagi anda memperbaiki diri sebagai seorang individu atau membina sifat peduli – peduli akan rakan sekuliah, peduli akan masyarakat yang lebih besar dan peduli akan perkembangan dunia yang lebih luas.

Pendidikan universiti bagi saya adalah pengalaman holistik yang membina asas kejayaan sebagai seorang dewasa di alam pekerjaan.

Usah segan membuat rakan baru di universiti.

Mahasiswa pasti mengalami beberapa pengalaman pahit manis semasa di universiti.

Bagi saya rakan di universiti banyak memberi sokongan – saya hargai kehadiran mereka dapat berkongsi kegembiraan dan keperitan yang saya alami.

Bagi saya, masa di universiti berlalu terlalu pantas.

Bagi anda yang bakal memulakan perjalanan yang hebat itu, kecapi setiap saat.

Selamat maju jaya.

► Penulis siswazah Universiti London (Institut Pengurusan Singapura)